
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari /Mac 2003

JPK 323 - KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Sukatan pelajaran Geografi Tingkatan Enam (STPM) memberi penekanan kepada kedinamikan hubungan antara manusia dan alam sekitar.

Dengan merujuk kepada Bahagian Alam Sekitar Fizikal dan Alam Sekitar Manusia, bincangkan kedinamikan hubungan antara manusia dan alam sekitar.

(25 markah)

2. (a) Pelaksanaan proses inkuiri dalam bilik darjah memerlukan sekurang-kurangnya empat elemen. Huraikan keempat-empat elemen tersebut.

(10 markah)

- (b) Huraikan LIMA (5) tindakan guru yang menjadi penghalang kepada proses inkuiri.

(15 markah)

3. (a) Bincangkan kelebihan-kelebihan kerja lapangan/kerja luar dalam pengajaran dan pembelajaran Geografi.

(10 markah)

- (b) Jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh guru dan pelajar Geografi tingkatan enam sebelum, semasa, dan selepas sesuatu aktiviti kajian luar.

(15 markah)

4. Dengan merujuk kepada Geografi menengah atas,

- (a) huraikan ciri-ciri pembelajaran masteri

(10 markah)

- (b) bincangkan LIMA (5) peranan guru Geografi dalam pembelajaran masteri

(15 markah)

5. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan program Pendidikan Alam Sekitar.

(10 markah)

- (b) Dengan merujuk kepada tajuk tertentu dalam Huraian Sukatan Pelajaran Geografi Tingkatan 4 dan 5, bincangkan aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan bagi memenuhi program Pendidikan Alam Sekitar.

(15 markah)